

Media Australia keruhkan hubungan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal kerana media massa, syarikat perfileman dan stesen televisyen di Australia cuba mengeruhkan hubungan di antara Malaysia dan Australia. Perdana Menteri berkata, mereka sengaja menimbulkan masalah dan kemudian mensensasi-kannya tanpa memikir-

kan soal perhubungan kedua-dua negara.

"Saya tak tahu kenapa mereka harus membuat laporan khas mengenai saya semata-mata saya tidak menghadiri sidang Apec di Seattle, menuduh saya bermacam-macam, diktaktor, tidak popular.

"Selain itu mereka juga mengatakan berlaku ketegangan kaum, keganasan

di Malaysia

"Saya tak tahu bagaimana mereka mendapat berita sebegini. Rakyat di sini, Cina, Melayu dan India tidak bergaduh sesama sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani projek kenderaan komersil Malaysia, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, se-

setengah akhbar, syarikat filem dan stesen televisyen di Australia berasa tidak senang jika tidak menimbulkan masalah.

"Apabila timbul masalah, tentu banyak berita diperolehi. Itulah yang mereka inginkan, mereka bukan memikirkan soal perhubungan negara," katanya.

BH 28 NOV 1993